

22 DEC 1996

Mohamed-Fitnah

LAPORAN SAYA DIPECAT FITNAH, KATA MOHAMED

BANGI, 22 Dis (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata laporan majalah asing bahawa beliau dipecat daripada jawatan Setiausaha Agung UMNO adalah tidak tepat dan berunsur fitnah.

"Adalah tidak adil, tidak tepat dan fitnah untuk mengatakan bahawa saya dipecat daripada jawatan Setiausaha Agung UMNO selepas Perhimpunan Agung parti sedangkan keadaan sebenarnya tidak dilaporkan," katanya ketika berucap merasmikan bengkel melukis kartun di sini hari ini.

Mohamed berkata selain pemecatan tidak berlaku, beberapa pembohongan dan percanggahan maklumat juga terdapat dalam rencana itu.

"Ini adalah sikap stereotaip media barat. Media barat yang mempunyai ramai pembaca yang berminat mengetahui tentang Malaysia harus melaporkan fakta yang benar sahaja," katanya.

Pada 28 Nov lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan perlantikan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik sebagai Setiausaha Agung UMNO menggantikan Mohamed yang memegang jawatan itu sejak Disember 1990.

Mohamed menganggap majalah Time keluaran 9 Dis lepas yang menyiarkan laporan mengenai Malaysia dengan tumpuan kejayaan Perdana Menteri sebagai satu permulaan kepada liputan yang lebih adil mengenai negara ini.

Ketika bercakap dengan pemberita kemudian, Mohamed berkata kerajaan berhasrat untuk memiliki saluran berita sendiri dalam program televisyen dan radio satelit bagi memudahkannya menjawab dan membuat penjelasan mengenai sesuatu isu yang dibangkitkan oleh media barat.

Beliau berkata Measat Broadcast telah menyatakan persetujuan kepada Kementerian Penerangan bahawa mereka akan berusaha memperuntukkan 30 minit atau sejam bagi program khusus mengenai Malaysia di beberapa stesen televisyen satelit.

"Dengan saluran berita sendiri melalui stesen televisyen satelit itu, Malaysia dapat menyalurkan berita yang tepat selain menyatakan pendirian kerajaan mengenai sesuatu isu," katanya.

Beliau juga berkata RTM sedang berusaha untuk menggantikan rancangan kartun import yang berunsur ganas dengan keluaran tempatan bersesuaian dengan nilai tempatan.

Bengkel melukis kartun anjuran Pusat Kajian Media Antarabangsa itu disertai 30 kanak-kanak di bawah kendalian kartunis terkenal, Zoy dan Juragan. -- BERNAMA

NHD AKD